

LAWATAN RASMI CHIEF OF GENERAL STAFF, SAUDI ARMED FORCES KE KEMENTERIAN PERTAHANAN

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2185-lawatan-rasmi-chief-of-general-staff-saudi-armed-forces-ke-kementerian-pertahanan

KUALA LUMPUR, 3 Ogos 17 – General Abdulrahman Saleh Al-Bunyan, Chief of General Staff, Saudi Armed Forces telah mengadakan lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan hari ini.

Ketibaan beliau di Kementerian Pertahanan disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM yang lain. Beliau seterusnya mengambil tabik hormat perbarisan Kawalan Kehormatan Utama di Dataran Wisma Pertahanan.

Dalam rangka lawatannya di sini, beliau telah melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein serta Panglima Angkatan Tentera, YM Jeneral Tan Sri Raja Mohammad Affandi bin Raja Mohamed Noor.

Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan diplomasi pertahanan kedua-dua Negara yang telah sekian lama wujud.



